

CNS4369

U GB 01-02 00183 BA161

bah

Mahathir - sukan

MAHATHIR MINTA RAKYAT BERSUKAN UNTUK KESIHATAN

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan program "Sukan Untuk Semua 1993" dengan menggesa masyarakat bergiat aktif dalam sukan untuk kesihatan diri.

Perdana Menteri berkata rakyat yang sihat akan berupaya bekerja dengan cergas dan ini penting bagi membangunkan negara.

"Seseorang yang tidak sihat agak sukar menjalankan tugas yang biasa... sebaliknya dengan badan yang sihat, kita dapat bergerak cergas.

"Bagi yang tidak cekap atau pandai, kejayaan yang dicapai mungkin lebih daripada mereka yang cekap dan pandai tetapi yang tidak mempunyai kesihatan untuk menjalankan tugas," katanya pada majlis pelancaran di Dataran Merdeka di sini.

Dr Mahathir kemudian menyertai orang ramai melakukan senamrobik sebelum meneruskan acara berjalan beramai-ramai kira-kira 1 km dari Dataran Merdeka ke Holiday Inn City Centre dan seterusnya menunggang basikal.

Sambutan itu berakhir di Taman Tasik Titiwangsa di mana pelbagai acara seperti pertunjukan berkuda, payung terjun dan sukan diadakan. Majlis pelancaran itu juga bersempena ulangtahun ke-19 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. -- Lagi

▼01/02/12-17MST

CNS4376

U GB 01-02 00159 BA164

bah

Mahathir-sukan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang dikenali sebagai pemimpin yang amat menitikberatkan kesihatan dan sering bersenam dengan berjalan pulang dari pejabat ke rumahnya, berkata program "Sukan Untuk Semua" itu amat bermanfaat untuk mendorong rakyat bersukan.

"Kita tidak menjadi orang yang sihat semata-mata kerana kita berminat melihat pertandingan sukan seperti bola sepak dan hanya menggunakan tangan untuk bertepuk tetapi badan tidak bergerak sama sekali," katanya.

Perdana Menteri berharap orang ramai terus bersukan walaupun selepas program itu berakhir.

Menteri Belia dan Sukan, Senator Datuk Annuar Musa berkata program itu mencerminkan keperihatinan kerajaan terhadap pembangunan sukan dan rekreasi yang merupakan sebahagian daripada agenda pembangunan untuk rakyat dan negara.

Pelbagai kemudahan seperti gimnasium rakyat dan projek-projek seperti sukan rakyat dan senamrobik akan diadakan di seluruh negara sempena program "Sukan Untuk Semua" itu, katanya. Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Cik Teng Gaik Kwan. -- Bernama

▼01/02/12-44MST